

D192

B 8886 DEB

**MAHATHIR-PEMBANGUNAN**

LABUAN, 18 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERPUAS HATI DENGAN PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN DI PULAU INI SUNGGUHPUN IA TIDAK BEGITU CEPAT SEPERTI DAHULUNYA.

PEMBANGUNAN TIDAK DAPAT DIJALANKAN DENGAN CEPAT KERANA KERAJAAN TERPAKSA MENGURANGKAN PERUNTUKAN EKORAN KEMELESETAN EKONOMI, KATA PERDANA MENTERI PADA PERSIDANGAN AKHBAR DISEBUAH HOTEL DI SINI SEBELUM BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR TIBA DI SINI SEMALAM UNTUK LAWATAN DUA HARI SEBAGAI MENGAKHIRI SIRI LAWATAN KE NEGERI-NEGERI YANG BERMULA PADA BULAN JANUARI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA KEADAAN KEMELESETAN EKONOMI NAMPAKNYA TIDAK MENJEJASKAN PERNIAGAAN DI LABUAN.

PERNIAGAAN DENGAN FILIPINA, UMPAMANYA BERKEMBANG MAJU SEMENTARA DENGAN NEGARA BRUNEI DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI, KATANYA. -- LAGI  
1813MST 18 04 86

D209

B 8901 DEB

**MAHATHIR -PEMBANGUNAN 2 LABUAN**

DARIPADA SEGI PELANCONGAN, PERDANA MENTERI BERKATA IA TIDAKLAH BEGITU BAIK KERANA SETAKAT INI TIDAK ADA KEGIATAN YANG DIJALANKAN UNTUK ITU.

+BAHKAN PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN SENDIRI TIDAK MEMASUKKAN LABUAN DALAM RANCANGAN LAWATANNYA KE NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA,+ KATANYA.

INI AKAN MENYEBABKAN LABUAN AGAK KETINGGALAN DARIPADA SEGI DESTINASI PELANCONG.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA SEDANG DIBUAT UNTUK MEMANJANGKAN LANDASAN KAPAL TERBANG BAGI MEMBOLEHKAN PESAWAT-PESAWAT YANG LEBIH BESAR MENDARAT DI PULAU INI.

BELIAU YAKIN PELANCONGAN AKAN MEMBERI POTENSI YANG BAIK KEPADA LABUAN DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU MEMINTA PARA PELABUR MEMBERI PERHATIAN SEWAJARNYA.

MENGENAI POLITIK, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL MENDAPATI PADA UMUMNYA KEBANYAKAN RAKYAT LABUAN MENYOKONG BN.

KATANYA, USAHA-USAHA BARU SAHAJA DIJALANKAN UNTUK MENUBUHKAN CAWANGAN UMNO DAN MCA SERTA KEMUNGKINAN MIC DI LABUAN.

KETIKA DITANYA SAMA ADA DENGAN PENUBUHAN UMNO ITU CAWANGAN BERJAYA DI PULAU ITU AKAN DIBUBARKAN, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA PERKARA ITU BELUM DIBINCANGKAN DENGAN BERJAYA DAN TERPULANG KEPADA PIHAK MASING-MASING KERANA BERJAYA JUGA BERADA DALAM BN. -- BERNAMA  
1845MST 18 04 86